


'RAMPAS' HASIL NELAYAN TEMPATAN

Nelayan asing guna bубу naga



EMPAT nelayan warga asing bersama dua bot ditahan di kedudukan kira-kira satu batu nautika barat daya Tanjung Karang, kelmarin.

HM 01/03/24

mls 10

Oleh Amirul Aiman
Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Abdul Muhammin Muhammad Salleh berkata, semua warga asing itu ditahan ketika menggunakan peralatan menangkap ikan dilarang iaitu bубу naga.

Beliau berkata, kedua-dua bot digunakan nelayan warga asing itu tiada nombor pendaftaran.

"Hasil pemeriksaan mendapati, setiap bot memiliki tiga set bубу naga bernilai RM300.

"Bot berwarna putih dan merah dikendalikan dua warga Myanmar manakala sebuah lagi bot berwarna merah dan biru pula dikendalikan dua warga Indonesia," katanya.

Abdul Muhammin berkata, kesemua suspek berusia

lingkungan 22 hingga 31 tahun didapati tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

Menurutnya, kedua-dua bot disita sebelum dibawa ke jeti Polis Marin Pulau Indah untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia bagi siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

"Penggunaan bубу naga bukan sahaja menyalahi undang-undang, bahkan menjelaskan ekosistem laut dan sumber pendapatan nelayan tradisional pesisir pantai," katanya.

Tanjung Karang

Semakin ramai penda-tang tanpa izin (Pati) dikesan menyusup dalam sektor perikanan dan 'merampas' pekerjaan yang sebelum ini didomi-nasi warga tempatan.

Terbaharu empat nela-yan warga asing diberkas Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (Mari-tim Malaysia) Selangor ketika sedang menangkap ikan di perairan Tanjung Karang kelmarin.

Pengarah Maritim Se-langor, Kepten Maritim